

# Kedah naikkan cukai tanah UUM 10 kali ganda

BH 19/4/2011 3-1

**P**UTRAJAYA: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semalam melahirkan rasa kesal dengan tindakan kerajaan PAS Kedah yang menaikkan kadar cukai tanah di Universiti Utara Malaysia (UUM) sehingga 10 kali ganda iaitu daripada RM150,000 sebelum 2008 kepada RM1.8 juta, pada tahun ini.

Mohamed Khaled berkata, beliau juga kecewa kerana kerajaan PAS Kedah gagal menyelesaikan kekurangan bekalan air di UUM sejak setahun lalu yang kini semakin serius.

Berikutan itu, pengurusan UUM terpaksa membelanjakan sehingga RM90,000 sebulan bagi menyewa lori dan mengangkut air bersih untuk memenuhi keperluan harian lebih 20,000 pelajar di universiti berkenaan.

"Sebelum ini (ketika Barisan Nasional) memerintah Kedah, memang mereka tidak mengenakan cukai tanah yang terlalu tinggi, tetapi selepas pembangkang mengambil alih, mereka mengenakan cukai lebih 10 kali ganda.

"Saya ingat ini sesuatu yang tidak membantu usaha kerajaan memartabatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Kerajaan PAS Kedah cuba mengaut untung daripada IPTA yang berminat untuk membangunkan modal insan bagi memastikan negara berkembang maju dan bersaing dengan negara lain.

"Ini adalah sesuatu yang pada saya tidak menggam-



**MOHAMED Khaled (tengah) melihat surat tawaran Program Khas Pasca Siswazah kepada Ahli Parlimen di Putrajaya, semalam.**

barkan kefahaman kerajaan negeri pembangkang mengenai kepentingan pembangunan IPTA. Dulu Selangor pernah menolak cadangan kita mahu menubuhkan kampus UiTM (Universiti Teknologi Mara), kini Kedah mengenakan cukai tanah 10 kali ganda," katanya selepas menyerahkan surat tawaran untuk mengikuti Program Khas Pasca Siswazah kepada 10 Ahli Parlimen di sini, semalam. Hadir sama, Naib Can-

selor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Antara Ahli Parlimen terabit ialah Ahli Parlimen Tenggara, Johor, Datuk Halimah Mohd Sadique, Datuk Noraini Ahmad (Parit Sulong, Johor), Hanim Samuri (Ledang), Datuk Abdul Rahman Bakri (Sabak Bernam), Datuk Ismail Abd Muttalib (Maran), Datuk Md Sirat Abu (Bukit Katil), Datuk Lilah Yasin (Jempol), Datuk Sapawi Amat Wasali@Ahmad (Sipi-

tantang) dan Ahli Parlimen Hulu Selangor, P Kamalanathan.

Program berkenaan turut disertai Ahli Parlimen dari Indonesia Asmawati Marzuki Alie.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, pada awal tahun ini untuk

berbincang isu air dan merayu pengurangan bayaran cukai tanah terabit.

Bagaimanapun, Dr Mohamed menegaskan UUM belum menerima maklum balas daripada Pejabat Menteri Besar Kedah berhubung perkara ini.

"Ketika berjumpa Menteri Besar, beliau berkata beliau akan cuba menyelesaikannya, tetapi sampai sekarang saya masih menunggu jawapannya," katanya.